

13/09/2000

Pemimpin kecam penerbitan buku boleh pesong akidah

KUALA LUMPUR, Selasa - Tokoh agama dan pemimpin Umno hari ini mengecam penerbitan buku Islam Optimis Melangkah Ke Alaf Baru: Mengapa Pilih Parti Islam? oleh Ibnu Daullah kerana jelas bertujuan memesongkan akidah ummah.

Mereka juga menyifatkan tindakan Pas, pihak yang dikaitkan dengan penerbitan buku itu yang antara lain mendakwa Nabi Muhammad adalah pemimpin parti Islam pertama, sebagai cubaan menyamakan pemimpin parti itu dengan Rasulullah.

Ketua Pengarah Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Datuk Dr Ismail Ibrahim, berkata pada zaman Nabi Muhammad apa yang dibayangkan sebagai 'parti' sebenarnya golongan, kumpulan atau institusi tertentu.

"Konotasinya agak berbeza daripada istilah 'parti' pada zaman moden sekarang. Nabi Muhammad terkenal sebagai pengasas negara Islam Madinah, tetapi konsepnya berbeza daripada parti sekarang.

"Tindakan Pas seolah-olah mahu menyamakan pemimpin parti itu dengan Rasulullah. Jika macam itu, bermakna sesiapa saja yang memimpin parti Islam yang banyak di dunia ini adalah seperti juga Nabi Muhammad. Ini jelas mengelirukan," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Beliau mengulas pendedahan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengenai kandungan buku itu yang disifatkan sebagai menghina Nabi Muhammad dan agama Islam selepas mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno, semalam.

Dr Mahathir juga menyatakan kesedihan dengan kesanggupan Pas untuk sekali lagi memperalatkan agama menerusi penerbitan buku itu selepas berkata, buku itu yang turut menyatakan bahawa parti politik lain selain Pas adalah parti syaitan atau parti sekular, jelas menghina Islam.

Dr Ismail berkata, Pas cuba memperbodohkan umat Islam dengan agenda politik semata-mata untuk menambat hati orang Melayu kepada perjuangannya.

Di MELAKA, Ketua Menteri, Datuk Wira Mohd Ali Mohd Rustam, berkata buku itu yang jelas menghina Nabi Muhammad bukan saja boleh memesongkan fikiran umat Islam tetapi juga menghancurkan perpaduan ummah.

Katanya, kandungan buku itu ternyata bertujuan memesongkan umat Islam untuk membolehkan Pas mendapat sokongan rakyat bagi mencapai hasrat parti itu menjatuhkan kerajaan yang ada sekarang.

Beliau yang juga Ahli Majlis Tertinggi Umno, berkata pada zaman Rasulullah tidak wujudnya parti seperti sekarang, tetapi buku berkenaan menyatakan Rasulullah adalah pemimpin parti Islam yang pertama.

"Ini terbukti Pas cuba mempengaruhi umat Islam semata-mata mahu mendapatkan sokongan hasil mempergunakan agama untuk mencapai matlamatnya," katanya kepada pemberita di Bandar Hilir, hari ini.

Di KOTA TINGGI, Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman, berkata Pas sudah keterlaluan apabila sanggup menyatakan Nabi Muhammad pemimpin parti Islam.

Beliau berkata, dakwaan pemimpin Pas bahawa Nabi Muhammad pemimpin parti Islam adalah satu pembohongan dan perbuatan memperalatkan agama bagi tujuan politiknya.

"Pas sudah keterlaluan hinggakan menggunakan nama Nabi Muhammad sebagai pemimpin pertama parti Islam," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Avenue Desa Kampung Baru Teluk Ramunia, dekat sini, hari ini.

Sementara itu, Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor yang dihubungi di Makkah berkata, beliau tidak tahu menahu mengenai buku itu dan enggan memberi ulasan lanjut sehingga beliau pulang ke tanah air.

"Biarlah saya lihat dulu buku itu. Saya sekarang di Makkah, tanyalah mereka yang di sana (Malaysia)," katanya.

Di KUALA TERENGGANU, Menteri Besar, Abdul Hadi Awang juga mendakwa tidak mengetahui kewujudan buku itu.

"Tajuk buku pun saya tak pernah dengar, pengarang pun saya tak kenal," katanya ketika ditemui selepas menghadiri persidangan Dewan Undangan Negeri ke-10 di sini, hari ini.

(END)